

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN SIDANG AGUNG DWI TAHUNAN KE-9 DAN
LAMAN WEB PERSEKUTUAN SILAT KEBANGSAAN MALAYSIA (PESAKA)
DI HOTEL CONCORDE
22 JULAI 2001

Syukur kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat saya bersama-sama dengan tuan- tuan pada Persidangan Agung ke-9 dan pelancaran laman web PESAKA pada pagi ini.

2. Sebelum saya meneruskan ucapan saya, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas jemputan untuk merasmikan majlis ini dan meraikan ketibaan saya dengan secara besar-besaran sebentar tadi.

3. Saya difahamkan bahawa PESAKA adalah merupakan payung atau badan induk kepada semua jenis persilatan meliputi empat pertubuhan silat yang terbesar di Malaysia iaitu Pertubuhan Seni Silat Lincah Malaysia, Persatuan Silat Cekak Malaysia, Pertubuhan Silat Gayung Malaysia dan Pertubuhan Silat Gayung Fatani Malaysia dan lebih daripada 320 jenis silat yang lain dengan keahliannya yang lebih daripada 3 juta orang.

4. Sebagaimana yang kita maklum pada zaman Kesultanan Melayu dalam abad ke-15, ahli-ahli silat Melayu telah menjadi benteng kepada ketuanan Melayu ketika itu. Waktu itu kepahlawanan Melayu dapat dilihat pada seni silatnya tetapi pada zaman moden ini ia boleh memainkan peranan lain yang juga amat penting iaitu membantu kerajaan terutama menangani segala masalah sosial yang melanda kehidupan remaja kita sekarang, dengan menggalakkan lebih ramai anak muda melibatkan diri dalam seni silat.

5. Selain daripada itu dengan adanya penglibatan silat sebagai salah satu acara sukan yang dipertandingkan di temasya-temasya sukan yang besar antaranya Kejuaraan Silat Sedunia, Festival Silat Nusantara, Sukan SEA dan yang terbaru. Saya juga dimaklumkan bahawa silat juga akan dipertandingkan di Sukan Asia Korea Selatan pada tahun hadapan. Justeru itu dengan adanya acara-acara sebegini ianya akan memberikan satu dorongan pada golongan remaja untuk terus mempelajari seni silat selain daripada kegunaan mempertahankan diri.

6. Saya kira peranan ini boleh dimainkan oleh PESAKA selaku badan induk persilatan di negara ini, selain daripada itu seni silat juga dilihat sebagai satu institusi bagi mengadakan latihan pembinaan bangsa, unti, semangat sepasukan dan membantu mempertingkatkan kualiti bangsa Melayu, bersesuaian dengan harapan YAB Perdana Menteri ingin melihatkan bangsa Melayu terutamanya golongan anak-anak muda yang mempunyai kualiti jatidiri dan disiplin yang begitu tinggi.

7. Selain merupakan satu warisan budaya kepada setengah-setengah bangsa itu, seni mempertahankan diri juga dilihat telah memainkan peranan yang besar di dalam melahirkan masyarakat yang berkualiti tinggi seperti kita lihat, seni mempertahankan diri adalah merupakan elemen-elemen yang penting terutamanya kepada masyarakat di Jepun dan Korea. Mereka masih mengamalkan latihan seni mempertahankan diri mereka setiap hari sebelum menjalankan tugas rasmi mereka agar disiplin yang telah dibentuk melalui seni mereka itu akan dapat dikekalkan.

8. Saya yakin dan percaya silat juga telah memainkan peranan ini dengan begitu baik sekali. Sehubungan dengan itu kerajaan akan sentiasa memberikan bantuan dan kerjasama kepada PESAKA dan semua pertubuhan silat di negara ini agar dapat terus menjalankan aktiviti- aktiviti silat mereka, bersesuaian dengan harapan pencinta silat untuk melihat seni silat sebagai seni mempertahankan diri resmi Malaysia.

9. Selain daripada itu kerajaan juga akan sentiasa menghargai budaya dan warisan Melayu ini kerana daripada budaya dan warisan Melayu inilah kita dapat mengenali tamadun bangsa dan dapat mengujudkan perasaan cinta dan sayang kepada negara. Oleh itu sama-samalah kita pelihara warisan Melayu ini dari ditenggelamkan oleh arus kebangkitan nilai-nilai moden, terutama dalam alaf baru ini.

10. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada pertubuhan-pertubuhan silat Melayu yang telah berjaya mengorak langkah dan mengembangkan sayap mereka keluar negara terutamanya di benua Eropah seperti mana yang telah saya saksikan sewaktu merasmikan perhimpunan silat lincah di Pulau Pinang di mana saya merasakan kagum melihatkan anak-anak muda dari Eropah membuat pertunjukan silat dan mempelajari adat istiadat orang- orang Melayu.

11. Ini adalah merupakan satu kebanggaan kepada kita orang-orang Melayu kerana dapat menakluki mereka dengan warisan budaya bangsa kita sendiri dan berjaya menjadikan silat sebagai salah satu jambatan yang mengenalkan bahasa dan budaya orang-orang Melayu kepada dunia luar terutamanya orang dari benua Eropah yang sebelum ini pernah menjajah negara ini.

12. Akhir kata saya mengucapkan selamat bersidang dan berharap tuan-tuan akan buat pemilihan jawatankuasa yang baru dengan sebaik mungkin.

13. Dengan lafaz Bismillahhirahmannirohim saya dengan ini merasmikan mesyuarat agung PESAKA yang ke-9 dan melancarkan laman web resmi PESAKA.

Terima kasih.